

**SOALAN LAZIM URUSAN PEROLEHAN DALAM TEMPOH PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN) FASA 4 BAGI URUSAN PEROLEHAN DI UNIVERSITI MALAYA (UM) MULAI 13 DISEMBER 2021**

**DI BAWAH AKTA PENCEGAHAN DAN PENGAWALAN PENYAKIT BERJANGKIT 1988 DAN AKTA POLIS 1967 AKIBAT WABAK COVID-19**

<b>Bil</b>	<b>Soalan</b>	<b>Jawapan</b>
1	Adakah tarikh tutup iklan/ tawaran perolehan boleh dilanjutkan dan pembukaan iklan/ tawaran perolehan baharu ditangguhkan?	<p>Pembukaan iklan/ tawaran perolehan baharu boleh diteruskan melalui Sistem UM Procurement &amp; Payment Management.</p> <p>Penyerahan/ penerimaan dokumen tender/ sebut harga yang melibatkan penjualan dokumen secara manual hendaklah dibuat secara serahan fizikal. Petender/ penyebut harga hendaklah dibenarkan untuk menghantar dokumen tawaran tender/ sebut harga melalui pos berdaftar/ kurier. Pihak PTj dinasihatkan untuk memasukkan klausa berikut ke dalam arahan kepada petender/ penyebut harga:</p> <p>“Jika tender/ sebut harga dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/ kurier, petender/ penyebut harga hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup tender/ sebut harga selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.”</p>
2	Adakah tarikh taklimat dan lawatan tapak boleh dilaksanakan dalam tempoh PPN?	<p>Bagi iklan/ tawaran perolehan baharu yang diteruskan, pelaksanaan taklimat dan lawatan tapak tidak boleh diwajibkan semasa tempoh PPN. Cadangan pindaan bagi taklimat dan lawatan tapak adalah seperti berikut:</p> <p>(a) PTj/ Jabatan hendaklah tidak mewajibkan kehadiran syarikat/ kontraktor bagi tujuan taklimat dan lawatan tapak.</p> <p>(b) Bagi memastikan maklumat berkaitan skop atau spesifikasi perolehan berkenaan adalah jelas, PTj/ Jabatan hendaklah menyediakan maklumat terperinci mengenai skop atau spesifikasi perolehan bagi memastikan syarikat/ kontraktor yang menyertai sebut harga/ tender memahami kehendak PTj/ Jabatan.</p> <p>(c) Selain itu, PTj/ Jabatan boleh memberi satu tempoh yang munasabah bagi syarikat/ kontraktor melawat sendiri kawasan atau tapak berkenaan yang dinyatakan dalam dokumen sebut harga/ tender berkenaan. Lawatan tapak ini dapat membantu syarikat mendapat maklumat yang lebih tepat dan mengetahui keadaan/maklumat tambahan yang berguna bagi menyediakan</p>

		<p>tawaran sebut harga/tender. Dalam hal ini, sekiranya syarikat mahu melawat sendiri kawasan atau tapak berkenaan, amalan penjarakan fizikal, penggunaan hand sanitizer dan pemakaian face mask adalah diwajibkan.</p> <p>(d) PTj/ Jabatan juga boleh membuat rakaman video bagi menggantikan prosedur lawatan tapak/ taklimat tender/ sebut harga mengikut kaedah pelaksanaan berikut:</p> <p>Rakaman video dipaparkan di laman sesawang rasmi PTj/ Jabatan untuk diakses oleh semua kontraktor yang berminat sepanjang tempoh iklan sebut harga/ tender;</p> <p>PTj/ Jabatan menugaskan beberapa pegawai untuk menjawab sebarang pertanyaan dari kontraktor sepanjang tempoh iklan sebut harga/ tender;</p> <p>Kontraktor juga mempunyai peluang untuk membuat lawatan sendiri ke projek-projek yang berkaitan mengikut kesesuaian masa mereka; dan</p> <p>Kerja-kerja tersebut tidak melibatkan skop kerja teknikal atau struktur dan hanya melibatkan bahagian luar sahaja.</p>
3	Adakah tempoh sah laku bagi tender dan sebut harga yang ditangguhkan boleh dilanjutkan dalam tempoh PPN?	<p>Bagi iklan/ tawaran sebut harga yang telah ditutup, sekiranya keputusan Pihak Berkuasa Melulus (PBM) belum diperolehi dan tempoh sah laku tender/ sebut harga telah tamat, tender/ sebut harga tersebut adalah terbatal dan pelawaan semula perlu dibuat.</p> <p>Bagi iklan/ tawaran tender / sebut harga yang telah ditutup dan tempoh sah laku tender/ sebut harga masih berkuatkuasa, proses penilaian boleh diteruskan untuk kelulusan PBM sebelum tempoh sah laku tender/ sebut harga tamat.</p> <p>Pelanjutan tempoh sah laku tender dan sebut harga adalah berdasarkan tatacara perolehan yang berkuat kuasa. PTj dinasihatkan supaya merancang proses perolehan sewajarnya dengan mengambil kira tempoh sah laku.</p>
4	Adakah pelaksanaan program/ projek yang sedang berjalan perlu diteruskan dalam tempoh PPN?	<p>Pelaksanaan program/ projek boleh diteruskan tertakluk kepada pematuhan Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan mendapat kelulusan Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan COVID-19 UM.</p> <p>Bagi kontrak yang tidak dapat diteruskan, PTj/ Jabatan hendaklah menangguhkan pelaksanaan kontrak melalui arahan Pegawai Penguasa/ Pentadbir Kontrak selaras dengan klausa kontrak. Arahan penangguhan perlu dimaklumkan kepada syarikat secara rasmi.</p>

5	<p>Adakah mesyuarat Jawatankuasa Spesifikasi yang perlu diadakan bagi perolehan yang telah dirancang boleh bersidang dalam tempoh PPN?</p>	<p>Mesyuarat Jawatankuasa Spesifikasi bagi perolehan yang telah dirancang adalah dibenarkan untuk dilaksanakan secara bersemuka bagi individu yang telah lengkap menerima vaksin tertakluk kepada 50% kapasiti ruang dengan penjarakan fizikal dan pemakaian pelitup muka.</p> <p>Walaubagaimanapun, mesyuarat digalakkan untuk dilaksanakan secara sidang video dalam talian dengan syarat perlu memastikan aplikasi yang digunakan selaras dengan Garispanduan Keselamatan Penggunaan Aplikasi Persidangan Video Dalam Talian yang dikeluarkan oleh pihak Pusat Teknologi Maklumat (PTM) dan mematuhi arahan keselamatan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa keselamatan seperti MAMPU dan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia.</p> <p>Pengendalian dokumen rahsia rasmi Kerajaan seperti dokumen tawaran penyebut harga/ petender secara hardcopy atau softcopy yang perlu dibawa keluar daripada pejabat adalah tertakluk kepada Garis Panduan Membawa Rahsia Rasmi Keluar Dari Pejabat Semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan yang dikeluarkan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia.</p>
6	<p>Adakah mesyuarat Jawatankuasa Penilaian yang perlu diadakan bagi perolehan yang telah diiklankan boleh bersidang dalam tempoh PPN?</p>	<p>Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian bagi perolehan yang telah diiklankan adalah dibenarkan untuk dilaksanakan secara bersemuka bagi individu yang telah lengkap menerima vaksin tertakluk kepada 50% kapasiti ruang dengan penjarakan fizikal dan pemakaian pelitup muka.</p> <p>Walaubagaimanapun, mesyuarat digalakkan untuk dilaksanakan secara sidang video dalam talian dengan syarat perlu memastikan aplikasi yang digunakan selaras dengan Garispanduan Keselamatan Penggunaan Aplikasi Persidangan Video Dalam Talian yang dikeluarkan oleh pihak Pusat Teknologi Maklumat (PTM) dan mematuhi arahan keselamatan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa keselamatan seperti MAMPU dan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia.</p> <p>Pengendalian dokumen rahsia rasmi Kerajaan seperti dokumen tawaran penyebut harga/ petender secara hardcopy atau softcopy yang perlu dibawa keluar daripada pejabat adalah tertakluk kepada Garis Panduan Membawa Rahsia Rasmi Keluar Dari Pejabat Semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan yang dikeluarkan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia.</p>

7	Adakah mesyuarat Lembaga Perolehan (LP) dan Jawatankuasa Sebutharga (JKSH) boleh bersidang dalam tempoh PPN?	Mesyuarat Lembaga Perolehan Universiti Malaya (LPUM) dan Jawatankuasa Sebutharga Universiti Malaya (JSUM) serta Jawatankuasa Sebutharga PTj boleh dilaksanakan secara bersemuka bagi individu yang telah lengkap menerima vaksin tertakluk kepada 50% kapasiti ruang dengan penjarakan fizikal dan pemakaian pelitup muka.
8	Adakah tempoh lanjutan kontrak dan pertambahan kuantiti/ nilai bagi sesuatu perolehan perlu dibawa kepada Pihak Berkuasa Melulus (PBM) asal? Bagaimana pula dengan lanjutan tempoh kontrak (LTK)/ extension of time (EOT) bagi perolehan kerja?	<p>Selaras dengan garis panduan pelaksanaan mesyuarat PBM secara dalam talian, sebarang pertimbangan tambahan kuantiti mengikut AP201.1 adalah dibenarkan tertakluk pertimbangan PBM.</p> <p>Perjanjian tambahan hendaklah disediakan dan bon pelaksanaan tidak perlu dikemukakan bagi tempoh lanjutan tersebut.</p> <p>Pertimbangan bagi lanjutan tempoh kontrak (LTK)/ <i>extension of time (EOT)</i> bagi perolehan kerja adalah mengikut terma kontrak dan boleh dipertimbangkan oleh Pegawai Penguasa (SO) projek.</p>
9	Bolehkah perolehan perolehan darurat dilaksanakan dalam tempoh PPN?	Ya, boleh. PTj/ Jabatan dibenarkan untuk melaksanakan perolehan perolehan darurat bagi tempoh PPN ini sahaja. PTj/ Jabatan perlu memastikan kelulusan perolehan darurat telah diperolehi dari Naib Canselor dan proses perolehan darurat dipatuhi selaras dengan Arahan Kerja (AK): UM-PT05-PK02-AK015 PEROLEHAN DARURAT.
10	Berdasarkan tatacara perolehan darurat, Jawatankuasa Rundingan Harga (JKRH) perlu ditubuhkan dan bersidang.	<p>PTj/ Jabatan perlu mewujudkan JKRH bagi pelaksanaan perolehan darurat tanpa mengira had nilai perolehan. Dalam hal tersebut, PTj/ Jabatan dibenarkan untuk melaksanakan mesyuarat secara bersemuka bagi individu yang telah lengkap menerima vaksin tertakluk kepada 50% kapasiti ruang dengan penjarakan fizikal dan pemakaian pelitup muka.</p> <p>Walaupun, mesyuarat digalakkan untuk dilaksanakan secara sidang video dalam talian dengan syarat perlu memastikan aplikasi yang digunakan selaras dengan</p>

	<p>Adakah dibenarkan mesyuarat tersebut dilaksanakan secara maya iaitu melalui video conference?</p>	<p>Garis panduan Keselamatan Penggunaan Aplikasi Persidangan Video Dalam Talian yang dikeluarkan oleh pihak Pusat Teknologi Maklumat (PTM) dan mematuhi arahan keselamatan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa keselamatan seperti MAMPU dan Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia.</p> <p>Pengendalian dokumen rahsia rasmi Kerajaan seperti dokumen tawaran penyebut harga/ petender secara hardcopy atau softcopy yang perlu dibawa keluar daripada pejabat adalah tertakluk kepada Garis Panduan Membawa Rahsia Rasmi Keluar Dari Pejabat Semasa Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan yang dikeluarkan oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia.</p> <p>Manakala dokumen yang perlu dipersetujui kedua-dua belah pihak boleh ditandatangani dan dihantar melalui e-mel kepada pihak PTj/ Jabatan. Minit mesyuarat masih perlu disediakan. PTj/ Jabatan adalah bertanggungjawab memastikan teknologi yang digunakan adalah selamat dalam melindungi data dan maklumat UM.</p>
--	--	---

Dikemaskini pada 13.12.2021